

# Rancangan Personaliti UMSfm mendapat sambutan pendengar

UB 19.08.2023 P.03

**KOTA KINABALU:** Saluran Radio UMSfm terus mengekalkan kedudukan sebagai radio institusi pertama di Sabah.

Terbaharu UMSfm telah menyiarkan sebuah rancangan yang membincangkan topik-topik semasa untuk disajikan kepada pendengar iaitu Personaliti UMSfm.

Rancangan itu mendapat sambutan positif dalam kalangan pendengar. Ia disiaran setiap hari Rabu dari jam 8 pagi hingga jam 9 pagi.

Pengurus Stesen UMSfm yang merupakan penerbit Eksekutif rancangan Per-

sonaliti UMSfm, Dr. Intan Soliha Ibrahim, berkata terbitan rancangan itu mendapat sambutan memberang sangkan.

Inikerana pendengar UMS fm cenderung untuk mendapatkan maklumat mengenai aktiviti, program, ilmiah dan penyelidikan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

“Rancangan ini sebenarnya untuk mempromosi dan menonjolkan kekuatan universiti bukan sahaja di lapisan akademik semata-mata, sebaliknya pentadbiran dan juga pelajar UMS.

“Kita berusaha untuk

mempromosi dan mengetengahkan segala aktiviti, inovasi dan penyelidikan yang ada di UMS.

“Walaupun radio ini sering dilihat sebagai medium kedua selepas TV dan Internet, kepentingan radio dalam menyalurkan maklumat ketika orang berada dalam kenderaan dan pejabat memang tidak dapat dinafikan,” katanya.

Menurutnya, terbitan rancangan Personaliti UMSfm ini juga mampu didengari menerusi kepelbagaiannya medium.

“Rancangan ini boleh diakses menerusi kepelbagaiannya

medium baik di frekuensi 91.1fm atau di Spotify UMS fm, aplikasi android, dan dalam talian,” katanya

UMSfm yang telah bertapak selama 13 tahun komited menjadi platform penyebaran maklumat universiti dan kerajaan serta melatih pelajar yang mahir dan berpengetahuan dalam bidang penyiaran radio.

Sebagai sebuah radio kampus pertama di negeri Sabah, UMSfm melalui transformasi pengetahuan dan teknologi dalam memastikan ia kekal relevan seiring dengan perubahan teknologi semasa.